Mesej Sembilan

Tiang dan Luminari

Bacaan Bible: Wahi 3:7-13; Flp. 2:12-16

I. Untuk menjadi tiang dalam Tuhan Tritunggal, kita harus mengambil jalan yang ditetapkan Tuhan untuk gereja, iaitu jalan Filadelfia; hanya gereja yang dipulihkan, yang dilambangkan oleh gereja di Filadelfia, yang dapat menggenapi tujuan abadi Tuhan dan memuaskan hasrat hati-Nya—Wahi 3:7-13; bd. 21:22:

A. Percayawan yang jayeng di Filadelfia ialah tiang yang mengenali kebenaran yang ada sekarang, mendukung kemutlakan kebenaran, dan dikonstitusikan dengan kebenaran untuk gereja menjadi tiang dan dasar bagi kebenaran—2 Ptr. 1:12; 1 Tim. 3:15-16.

B. Percayawan yang jayeng di Filadelfia berpegang teguh pada apa yang dipunyai mereka, dan apa yang dipunyai mereka ialah "ministri ini", iaitu ministri Wasiat Baru yang unik; sebenarnya, pemulihan Tuan adalah untuk membawa kita kembali kepada ministri Wasiat Baru yang unik—Wahi 3:11; 2 Kor. 4:1:

1. Ministri Roh itu ialah ministri waadah baru untuk menjadikan kita Tuhan dengan menulis hati kita menggunakan Roh Tuhan yang hidup sebagai "dakwat" divin dan mistikal, menjadikan kita surat-surat Kristus yang hidup—inilah puncak tertinggi wahi divin—3:3, 6, 8, 18; 4:1; bd. Wahi 2:7b; 22:17a.
2. Ministri keadilbenaran ialah ministri Kristus sebagai keadilbenaran objektif kita untuk justifikasi kita dan sebagai keadilbenaran subjektif kita yang "disulam" ke dalam kita melalui kerja transformasi Roh, demi menghidup keluar serta ekspresi Kristus yang sejati dalam penyelamatan organik Tuhan—inilah kehidupan Tuhan-manusia—2 Kor. 3:9; Mzm. 45:1, 13-14; Roma 5:10.
3. Ministri pendamaian ialah ministri yang mendamaikan dunia dengan Kristus menerusi pengampunan dosa-dosa untuk penebusan judisial mereka dan mendamaikan percayawan dengan Kristus agar mereka dapat menjadi orang yang hidup dalam roh, di dalam Tempat Maha Kudus, untuk penyelamatan organik mereka—inilah menggembala orang menurut Tuhan—2 Kor. 5:18-21; 1 Ptr. 5:1-4.
4. Cara untuk disempurnakan untuk menjadi tiang adalah dengan berpegang teguh pada ministri ini, makan isi kandungan positif ekonomi Tuhan, kekal berada dalam aliran masa kini pergerakan Tuan di bawah kekepalaan-Nya, dan menjauhkan diri daripada maut serta perpecahan—2 Tim. 3:10; 1 Tim. 4:15; Roma 8:6; 16:17; 1 Yoh. 2:18-20; 1 Kor. 11:19; Bil. 16:3, 7.

C. Ciri pejayeng di Filadelfia ialah mereka mencapai puncak tertinggi wahi divin bagi ekonomi Tuhan:

1. Terdapat satu gereja di Asia yang unik dan mendapat pujian tinggi daripada Tuan—gereja di Filadelfia; Tuan menghargai mereka kerana mereka mematuhi sabda-Nya; ini bermaksud mereka tidak berpaling daripada kata-kata ajaran para dutus, ajaran sihat tentang ekonomi Tuhan, puncak tertinggi bagi wahi divin—Wahi 3:8; 2 Tim. 3:16-17; 1 Tim. 1:3-4.
2. Para pejayeng menjadi tiang dalam bait bermakna mereka akan menjadi tiang dalam Tuhan Tritunggal, kerana bait itu ialah "Tuan Tuhan Maha Perkasa dan Anak Domba"; Tuhan dibina ke dalam mereka untuk menjadikan mereka batu-batu yang hidup dan berharga, dan mereka dibina ke dalam Tuhan untuk menjadikan mereka tiang batu dalam Tuhan supaya mereka diinkorporasikan dengan Tuhan sebagai tempat saling tinggal bagi Tuhan dan manusia—Wahi 3:12a; 21:22, 3; Mzm. 90:1; Yoh. 14:23; bd. 1 Raj. 7:15-22.

3. Nama Tuhan, nama Yerusalem Baru, dan nama baru Tuan ditulis pada pejayeng menunjukkan bahawa apanya Tuhan, sifat Yerusalem Baru, dan persona Tuan, semuanya telah digarapkan ke dalam mereka, melabelkan mereka dengan Tuhan Tritunggal dan menjadikan mereka Tuhan dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan—Wahi 3:12b; 22:4b.

D. Ciri pejayeng di Filadelfia ialah kehidupan Tuhan-manusia mereka dengan menikmati kekayaan Kristus—3:7; Yes. 22:15, 20-24:

1. Pejayeng di Filadelfia mempunyai sedikit kekuatan; ini menunjukkan bahawa apa yang menyenangkan Tuan bukanlah kita melakukan banyak perkara untuk-Nya tetapi kita melakukan yang terbaik untuk-Nya dengan apa yang kita miliki—Wahi 3:8; 2 Kor. 12:7-10; Mrk. 14:8.
2. Pejayeng di Filadelfia mematuhi dan mengasihi sabda Tuan; bagi mereka, sabda Tuan lebih baik "daripada ribuan kepingan emas dan perak" (Wahi 3:8; Mzm. 119:72, 140); mereka menerima Kitab yang dihembuskan Tuhan melalui segala doa untuk menjadi manusia kepunyaan Tuhan dengan nafas Tuhan dan dengan kekal berada dalam ajaran sihat tentang ekonomi Tuhan (Ef. 6:17-18; 2 Tim. 3:14-17; bd. 1 Tim. 6:3-4).
3. Pejayeng di Filadelfia tidak menyangkal nama Tuan (Wahi 3:8); mereka meninggalkan segala nama selain nama Tuan Yesus Kristus, dan mereka menyeru nama Tuan untuk menerima kekayaan-Nya (Roma 10:9-10, 12-13), mengaku secara terang-terang bahawa Yesus Kristus ialah Tuan agar kemuliaan diberi kepada Tuhan Bapa (Flp. 2:11).

E. Ciri pejayeng di Filadelfia ialah kasih mereka sesama dikbang; kasih adalah serba boleh dalam kalangan mereka, membolehkan mereka menggembala orang menurut Tuhan, iaitu menurut hati Tuhan Bapa mereka yang penuh kasih dan pengampunan serta roh Penyelamat Kristus mereka yang menggembala dan mencari:

1. Pemulihan Tuan ialah pemulihan kasih terhadap Tuan Yesus; pejayeng di Filadelfia berdiri di atas tapak kesatuan yang sejati, memelihara diri mereka dalam kasih Tuhan untuk mengasihi Tuan dan mengasihi semua dikbang—Yud. 20-21; 2 Kor. 5:14; Yoh. 12:3; Luk. 7:47; 1 Yoh. 3:14-16; bd. Mzm. 133.
2. Suka menjadi yang pertama dalam gereja bertentangan dengan mempunyai Tuan sebagai kasih pertama kita dengan memberi Dia tempat yang pertama dalam segala sesuatu—3 Yoh. 9; Kol. 1:18b.
3. Dalam kumpulan vital, kasih haruslah serba boleh; Tuhan mengasihi kita dahulu; dengan ini Dia menginfusikan kasih-Nya ke dalam kita dan menjanakan kasih ini dalam kita supaya dengan kasih ini kita dapat mengasihi Dia dan dikbang-dikbang—1 Kor. 12:31b; 13:4-8, 13; 1 Yoh. 3:14.

F. Jalan Filadelfia ialah jalan ekonomi abadi Tuhan yang diwahikan dalam Mazmur 23, iaitu jalan Kristus menggembala gereja dalam ministri-Nya di syurga untuk mendispenkan diri-Nya dalam Triniti Divin-Nya ke dalam diri kita supaya kita dapat menjalani kehidupan Tuhan-manusia untuk mencapai puncak tertinggi wahi divin.

II. Di tengah-tengah dunia yang gelap dan korup, fungsi kita adalah untuk bersinar sebagai luminari, dengan berpegang pada sabda hayat—Flp. 2:12-16:

A. Kristus ialah matahari, dengan gereja sebagai bulan dan percayawan sebagai planet untuk memantulkan-Nya dengan berpegang pada sabda hayat; berpegang

pada sabda hayat bererti mengaplikasikan, membentangkan, dan mempersembahkan sabda itu kepada dunia dengan menghidup keluar Kristus—Kis. 5:20.

B. Tuhan yang beroperasi dalam kita (Flp. 2:13) ialah Roh yang membekali (1:19), kudrat kebangkitan (3:10), dan Kristus yang memperkudratkan (4:13); bersinar sebagai luminari (2:15) bererti memperbesar Kristus (1:20), dan berpegang pada sabda hayat (2:16) bererti berhidupkan Kristus (1:21a).

C. Kita harus berhasrat untuk mengenali Kristus sebagai kudrat kebangkitan, Tuhan yang beroperasi dalam kita, Dia yang memperkudratkan kita, agar bersinar sebagai luminari di dunia demi pembesaran-Nya—3:10; 2:13; 4:13; 1:20.

D. Kudrat yang membebaskan Petrus secara fizikal dari penjara ialah kudrat Tuhan, tetapi kudrat yang dialami Paulus semasa berada di dalam penjara ialah kudrat kebangkitan—Kis. 5:18-20; Flp. 1:19; 3:10:

1. Dalam ekonomi Wasiat Baru Tuhan, hasrat Tuhan bukanlah mukjizat luaran tetapi mukjizat dalaman; keajaiban dalaman ialah Kristus sebagai Roh itu digarapkan ke dalam kita untuk menjadi penyelamatan kita, menopang, memperkuat, dan memperkudratkan kita secara dalaman dalam kelemahan kita untuk menyinarkan Kristus—2 Kor. 12:7-10.
2. Kristus yang memperkudratkan ialah rahsia bagi kita menyinarkan Kristus demi ekspresi-Nya dalam apa jua persekitaran atau keadaan, dan rahsia bagi rahsia ini ialah Roh Yesus Kristus almuhit dalam roh kita yang menjadi penyelamatan kita setiap hari dan setiap saat—Flp. 1:19; 4:23.

E. Sungutan dan bantahan menghalang kita daripada mengalami dan menikmati Kristus supaya Dia dapat bersinar dalam kita dan menerusi kita demi kemuliaan-Nya—2:14:

1. Sungutan ialah rasa tidak puas hati dan mengomel serta menggerutu, secara tersembunyi, termasuklah suka mencari kesalahan, berdebat secara sembunyi, rasa tidak senang hati, dan merungut; "juga jangan bersungut, seperti sesetengah daripada mereka yang telah bersungut dan dibinasakan oleh penghapus itu"—1 Kor. 10:10.
2. Bantahan ialah pertikaian dan perbincangan yang membawa nada syak atau ragu-ragu; ini merangkumi persoalan dan keraguan serta membuat inferens atau kesimpulan—bd. 1 Tim. 1:3-6; 6:3-4; 2 Kor. 11:2-3.
3. Kata-kata yang memberontak dan mencerca berpunca daripada bantahan; hamba Tuan harus diselamatkan daripada berbantah, harus dicahayai Tuan agar mempunyai "kebutaan penuh berkat" untuk hidup di bawah kekepalaan Kristus dalam alam hayat di bawah autoriti cahaya dan bukan dalam alam betul dan salah yang berada di bawah kuasa kegelapan—Kis. 22:10; Kol. 1:12-13; Roma 9:20-21; 11:34; bd. Kis. 16:25.
4. Pemberontakan manusia dinyatakan dalam kata-kata, fikiran, dan alasan; fikiran dan alasan ialah kubu Syaitan, iaitu seteru Tuhan, dalam minda orang yang ingkar kepada Tuhan; menerusi peperangan rohani, alasan harus diruntuhkan dan setiap fikiran harus ditawan supaya patuh kepada Kristus—2 Kor. 10:3-5.
5. Setiap kali Tuan memerintahkan umat-Nya melakukan sesuatu dalam Imamat 18—22, Dia menyisipkan ungkapan "Akulah Yehova" di antara perintah itu; bahkan tidak ada perkataan *kerana*—"Akulah Yehova" ialah sebabnya.

F. Cara untuk diselamatkan daripada sungutan dan bantahan agar berhidupkan Kristus dan menyinarkan Kristus sebagai luminari-Nya adalah dengan kekal berada dalam perhubungan dengan Dia yang merupakan kudrat dorongan dalaman

Mesej Sembilan (sambungan)

kita dengan menikmati Dia sebagai sabda hayat, tinggal dalam persekutuan dengan-Nya dalam doa, dan menjalani kehidupan yang bergirang, bersyukur, dan memuji dalam roh kita yang ajaib melalui Tuhan Tritunggal sebagai Roh ajaib untuk Tubuh Kristus yang mulia—Flp. 1:19; 2:13; 3:10; 4:13; 2:15; 4:6; 1 Tes. 5:16-20.

© 2026 Living Stream Ministry